

**Putrajaya**

## **Azmin Pengerusi MTNg Kelantan**

Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dilantik sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Negeri (MTNg) Kelantan berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Ia diumumkan dalam satu kenyataan Unit Sekretariat, Bahagian Pemantauan & Penilaian, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri

(JPM) di sini, semalam.

Menurut kenyataan itu, di bawah Arahan No 1, 2018

Jentera Penyelarasan

Pelaksanaan Unit Penyelarasan

Pelaksanaan Jabatan Perdana

Menteri (berkuat kuasa 31

Oktober, 2018), MTNg

diwujudkan di setiap negeri

bertanggungjawab memastikan

keputusan Majlis Tindakan

Negara (MTN) di peringkat

persekutuan dilaksanakan.

- BERNAMA